



## **SIARAN MEDIA MAJLIS ULANG TAHUN CBP KE – 68 DANIFTAR BERSAMA**

### **MEDIA PADA 7 APRIL 2018**

1. Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad telah mengadakan Majlis Ulang Tahun Yang Ke – 68 dan Iftar Bersama Media dihadiri oleh Pengerusi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad, Tuan Haji Kamari Zaman Bin Juhari, Kakitangan Co-opbank Persatuan dan pengamal media Malaysia di Seri Pacific Kuala Lumpur
2. Ini merupakan kali pertama CBP menganjurkan majlis berbuka puasa bersama media dan diadakan bertujuan mengeratkan perhubungan silaturahim bersama rakan media serta menghargai Ahli Jawatankuasa yang telah menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-59 pada 29 April 2018 yang lalu.
3. Tahun 2017 CBP telah melakar sejarah berjaya mencatat rekod pencapaian yang sangat memberangsangkan dengan jumlah keuntungan melepas sasaran dan rekod pencapaian tertinggi sejak penubuhan CBP. CBP telah mencapai keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM39.7 juta

4. CBP telah mengumumkan kadar dividen yang telah ditolak zakat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2017 adalah sebanyak 6%. CBP akan melunaskan pembayaran dividen sebelum sambutan Aidilfitri yang bakal tiba pada 15 Jun nanti.
5. Keahlian CBP telah meningkat saban tahun dan mempunyai lebih daripada 80,000 anggota.
6. Sehingga kini terdapat 20 buah cawangan di seluruh Malaysia dan tahun ini Co-opbank Persatuan akan membuka lagi empat buah cawangan iaitu di Batu Pahat, Kuala Selangor, Temerloh dan Port Dickson.
7. Penjenamaan semula CBP bakal dilakukan dan pada kali ini, nama CBP bakal diberi nama baru kepada Co-opbank Pertama Malaysia Berhad. Perlaksanaan penjenamaan semula ini bakal dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada pihak SKM.

--tamat--

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Aminudin Ismail  
Ketua Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat  
603-2604 0704 (ext: 106) / aminudin@cbp.com.my

Mohd Faiz Othman  
Pegawai Hal Ehwal Korporat  
603-2604 0704 (ext: 126) / faiz@cbp.com.my

### **Mengenai Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad**

Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad adalah sebuah pertubuhan koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan didaftarkan pada 7 Jun 1950 dengan nama asalnya "The Province Wellesley Co-operative Banking Union Limited". Pada tahun 1959 nama tersebut telah ditukarkan kepada Bank Persatuan Kerjasama Seberang Perai Berhad dan seterusnya pada tahun 1995 telah ditukarkan kepada nama Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad dan pada tahun 2014 nama tersebut telah ditukarkan kepada nama terkini Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad ataupun ringkasnya "Co-opbank Persatuan". Sebarang maklumat lanjut boleh laman web CBP - <https://www.cbp.com.my>